

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HKN 305/NSK 011 - Fiksyen Melayu Moden

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Watak Lazri Meon di dalam Daerah Zeni dan Su Usul di dalam Tunggul-Tunggul Gerigis adalah watak-watak yang didera oleh beberapa pengalaman yang traumatic yang menjejaskan kestabilan emosi dan mental masing-masing.

Bagaimanakah kedua-dua pengalaman tersebut diolah oleh pengarang?

2. "...seperti mimpi hasil-hasil sastera adalah kepuasan secara khayalan akan keinginan-keinginan bawah sadar dan seperti mimpi juga ia adalah di dalam bentuk-bentuk kompromi...."

(Freud)

Berdasarkan pandangan Freud di atas, hubungkan proses kreatif sastera dengan gejala mimpi seperti yang dialami oleh watak "aku" di dalam cerpen "Hanya Sekadar Sebuah Ilham", watak "aku" di dalam cerpen "Gunung" dan "Sdr.T" di dalam cerpen "Kalbu".

3. Pegangan falsafah seseorang pengarang biasanya akan terpancar menerusi hasil-hasil karya yang dihasilkan. Dengan merujuk kepada novel Empangan karya Zakaria Ali dan Citra karya Arenawati, bicarakan dengan hujah dan contoh-contoh yang bersesuaian untuk membuktikan pernyataan di atas?

4. Sejauh manakah pemikiran lateral (Lateral Thinking) Edward de Bono berjaya memberikan kita sebagai peminat sastera suatu wawasan segar mengenai karya-karya berbentuk pasca-modern khususnya di dalam penghasilan cerpen-cerpen non-konvensional di Malaysia atau Indonesia?

5. Kajikan cerpen "Kritikus Adinan" karya Budi Darma dan "Pasca-Intelektualisme dan Belacan Bakar" karya Shahnnon Ahmad.

Berdasarkan kajian anda, perlihatkan sejauh manakah terdapatnya penerapan ciri-ciri cerpen non-konvensional di dalam karya yang berkenaan dan kemudian bincangkan apakah kesan karya-karya seperti ini terhadap senario sastera mutakhir di Malaysia atau di Indonesia?

6. A. Samad Said di dalam Daerah Zeni dan S. Othman Kelantan menerusi Ustaz nampaknya menyedari tentang hakikat kerumitan sifat manusia. Unsur-unsur luaran dan dalaman diri manusia dijadikan asas penting dalam membina watak. Bagaimanakah aspek ini dieksploitasikan di dalam pembentukan watak-watak Lazri Meon, Siti Nuriza dan Ustaz Saifuddin?

7. Kepada saya, "sastera adalah kembali ke sumber". Sumber dalam pengertian saya ialah daerah penciptaan paling dalam yang terbuka pada segala kemungkinan disebabkan adanya ikhtiar untuk berhubungan secara langsung, intens dan terus-menerus dengan sumber penciptaan iaitu Tuhan - Tuhan sebagai apapun kita membayangkan-Nya selain sebagai Pencipta.

(Danarto, 1985)

Dengan merujuk kepada cerpen "Adam Ma'rifat", "Dinding Anak" dan "Mereka Toh Tidak Mungkin Menjaring Malaikat", perlihatkan bagaimanakah anda menghubungkan pegangan dan pendirian Danarto di atas di dalam cerpen-cerpen tersebut?